

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 30 JULAI 2018 (ISNIN)

SOALAN : 58

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang penguatkuasaan terhadap kenderaan asing yang mengambil kesempatan membawa penumpang ke negara kita sehingga menjejaskan pendapatan kereta sewa/teksi penduduk tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Seksyen 21 dan 25 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 serta Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Peredaran Antarabangsa) 1967 membenarkan kemasukan sementara kenderaan-kenderaan persendirian dari negara-negara asing dan proses kemasukan ini dikawal oleh Kerajaan melalui pengeluaran Permit Peredaran Antarabangsa (*International Circulation Permit* - ICP) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). ICP dikeluarkan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian negara asing dari Thailand dan Indonesia yang memasuki Malaysia melalui jalan darat.

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan penguatkuasaan pengeluaran ICP kepada kenderaan asing yang masuk melalui sempadan setiap hari termasuk hari Sabtu dan Ahad. Disamping itu JPJ juga menjalankan operasi harian dari semasa ke semasa untuk memantau pergerakan kenderaan asing. Pemeriksaan dijalankan bagi mengesan pelanggaran undang-undang oleh pemandu kenderaan asing dari segi membawa penumpang tanpa permit, kesalahan melibatkan ICP, kesalahan melibatkan lesen memandu di samping kesalahan melibatkan teknikal kenderaan.